

# H5N1: Kerajaan bayar RM80,000

BH - 12/6/2007

## Pampasan musnah 3,900 unggas dibuat selepas kawasan terbabit diisytihar bebas virus

Oleh Saufi Hamzah

**S**ERDANG: Kerajaan akan membayar RM80,000 sebagai pampasan kepada penduduk yang terbabit dalam pemusnahan kira-kira 3,900 ekor ayam dan unggas di Kampung Paya Jaras, Sungai Buloh selepas virus selesema burung atau Avian Influenza (H5N1) dikesan di situ.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pembayaran pampasan itu akan dibuat dengan segera apabila kawasan itu diisytiharkan bebas daripada virus berkenaan dalam tempoh sebulan selepas tarikh kejadian.

"Kita akan bayar sagu hati apabila dah selesai. Unggas dimusnahkan ialah milik penduduk kampung dan tiada dari ladang ternakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada si-

dang media selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) di UPM, di sini, semalam.

Kementerian diwakili Ketua Setia-usahanya, Datuk Dr Zulkifli Idris, manakala UPM diwakili Naib Can-

**“Unggas yang dimusnahkan ialah milik penduduk kampung dan tiada dari ladang ternakan”**

**Muhyiddin Yassin**  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

selornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah. Hadir sama Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan UPM, Prof Dr Fatimah Mohamed Arshad.

Muhyiddin diminta mengulas perkembangan terkini mengenai virus itu selepas tiada kes jangkitan baru dikesan di Paya Jaras.

Pada 2 Jun lalu berlaku kematian 60 ayam kampung di Kampung Paya Jaras Hilir secara mengejut dan selepas diperiksa, Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) mengesahkan berpunca daripada virus H5N1.

Beliau berkata, kementerian turut dimaklumkan mengenai keadaan terkawal di Paya Jaras sejak operasi pemusnahan unggas dijalankan.

"Saya juga meminta media tidak melaporkan bahawa virus ini merebak di negeri lain kerana ia hanya

dikesan di Paya Jaras. Dalam pada itu, pemantauan berterusan tetap dibuat," katanya.

Ditanya mengenai kebimbangan orang ramai terhadap daging ayam, Muhyiddin berkata, pengguna tidak perlu bimbang ia selamat dimakan.

Katanya, pada masa ini industri ternakan ayam tidak terjejas dan permintaan berkurangan kerana pengguna kurang membeli.

Beliau berkata, kementerian akan mendapatkan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mengawasi kegiatan membela ayam yang dibawa dari luar.

Muhyiddin turut mengingatkan penduduk kampung bahawa membela ayam untuk aktiviti menyabung salah di sisi undang-undang.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, berkata kakitangan

pelbagai agensi terbabit secara langsung dalam operasi menangani selesema burung atau Avian Influenza (H5N1) akan dipantau selama seminggu sebagai langkah berjaga-jaga.

Dr Chua berkata, mereka adalah pekerja yang terbabit dalam pemusnahan unggas seperti ayam dan itik, petugas di kawasan wabak H5N1, kakitangan hospital yang menjaga pesakit yang disyaki dan polis.

"Bagaimanapun mereka tidak akan diberi vaksin berikutan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ketika Sidang Ekonomi Asia Pasifik (Apec) baru-baru ini vaksin itu tidak berkesan terhadap virus baru H5N1 wujud selepas mutasi," katanya selepas melancarkan Persatuan Penyakit Gastro Usus Malaysia (Message) dan Kongres Pertama Gastro Usus Malaysia, semalam.